



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**
Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/penang>

Ruj.Kami : ANM PG.650 Jld.3 (31)
Tarikh : 27 Julai 2022

Makluman kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Tuan/ Puan,

**PEMURNIAN DATA AKAUN PUKAL DI iGFMAS DAN SISTEM AGENSI PUKAL OLEH
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada isu lebihan bayaran pukal yang berlaku di PTJ, antara punca-punca berlakunya isu tersebut adalah seperti berikut :

2.1 PTJ telah berpindah/tutup iaitu tidak lagi menduduki premis berkenaan, namun PTJ tidak membuat pembatalan akaun pukal yang didaftarkan untuk premis berkenaan menyebabkan pembayaran akaun pukal tersebut masih diteruskan dan menyebabkan lebihan bayaran.

2.2 PTJ tidak membuat semakan ke atas bil dan laporan pukal selaras Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 yang menyatakan perkara berikut :

Justeru pembayaran akaun pukal yang tidak aktif masih diteruskan dalam tempoh bertahun-tahun tanpa pengetahuan PTJ. Perkara ini boleh menyebabkan berlaku kehilangan wang awam sekiranya lebihan bayaran gagal dikutip.

3. Sehubungan itu, *task force* secara berfasa mengikut agensi perlu dilaksanakan bagi memastikan semua akaun pukal di PTJ yang aktif adalah sah untuk dibayar. Berikut merupakan merupakan tindakan yang perlu dilakukan oleh pihak PTJ;

3.1 Menerima data mengikut maklumat yang ada di pejabat perakaunan bagi empat (4) agensi iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (TM), Indah Water Konsortium (IWK) dan Syarikat Air;

3.2 Melengkapkan maklumat di borang yang disediakan mengikut data yang telah dikemukakan; dan

3.3 Mengembalikan semula borang tersebut **selewat-lewatnya pada 12 Ogos 2022 (Jumaat)** bagi tindakan selanjutnya secara softcopy melalui email saufee.nayan@anm.gov.my dan idris.isa@anm.gov.my


4. Kerjasama dan tindakan segera daripada pihak tuan/puan amatlah kami harapkan bagi melancarkan proses pemurnian data ini. Sebarang kemusykilan, boleh hubungi Encik Mohd Saufee bin Nayan atau Encik Mohd Idris bin Mat Isa di talian 04-255 5513 dan 04-255 5519. Kerjasama tuan/puan berhubung dengan perkara di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,


OMMI NAJWA BINTI MOKHTAR C.A (M)
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang